



14 MAY, 2025

## Pengurangan sementara beri impak positif kepada bursa

Berita Harian, Malaysia



## Pengurangan sementara beri impak positif kepada bursa

**Persetujuan** Amerika Syarikat (AS)-China untuk mengurangkan sementara tarif memberi kesan positif kepada pasaran saham tempatan berikutan langkah ini mengurangkan risiko kemelesetan di AS dan global serta mendorong aliran masuk dana asing bersih yang lebih tinggi, menurut CIMB Securities Sdn Bhd.

"Kami mengekalkan sasaran KLCI pada 1,657 mata dengan merancang semakan semula selepas tempoh laporan pendapatan suku pertama 2025.

"Kami kekal memilih syarikat berorientasikan domestik dengan hasil dividen yang stabil, terutama dalam sektor perbankan, telekomunikasi, utiliti, pembinaan dan penjagaan kesihatan sebagai perlindungan daripada cabaran

berkenaan tarif," katanya menerusi nota penyelidikan.

Menurutnya, bank di Malaysia berpeluang menerima manfaat daripada perkembangan ini berikutan mudah tunai dan perannya sebagai proksi langsung kepada ekonomi domestik yang menyaksikan Public Bank, RHB Bank dan Alliance Bank Malaysia sebagai pilihan utama CIMB Securities dalam sektor perbankan.

Sektor perladangan juga dijangka mendapat manfaat daripada permintaan global yang lebih kukuh terhadap minyak makan serta harga minyak mentah yang tinggi sekiranya ekonomi bertambah baik, dengan IOI Corporation sebagai pilihan utama.

CIMB Securities berkata, ketegangan perdagangan yang mereda boleh menyokong permintaan global ke atas semikonduktor berikutan pemain teknologi Malaysia terus mengekalkan daya saing, dipacu pengurangan tarif AS terhadap barangan China masih lebih tinggi berbanding tarif ke atas barangan Malaysia

Selain itu, mereka yakin pengeluaran sarung tangan Malaysia terus menikmati faedah kos memandang tarif AS terhadap import Malaysia kekal pada 10 peratus berbanding 30 peratus ke atas import China.

CIMB Securities memilih Inari Amertron dan MPI Tech bagi sektor teknologi, manakala Kosan dan Supermax sebagai pilihan

utama dalam kalangan pengeluaran sarung tangan.

"Kami telah mengeluarkan SD Guthrie daripada senarai pilihan utama berikutan penurunan penarafan yang terkini.

"Senarai pilihan utama yang dikemas kini adalah CelcomDigi, Gamuda, Public Bank, Farm Fresh, RHB Bank, Tenaga Nasional, IHH Healthcare dan 99 Speed Mart," katanya.

AS dan China dilaporkan bersetuju untuk mengurangkan tarif antara satu sama lain selama 90 hari, menandakan ketegangan yang mereda dalam perang perdagangan berterusan antara dua ekonomi terbesar dunia itu.

Menerusi perjanjian yang dirundingkan di Geneva akhir minggu lalu, AS akan

mengurangkan tarif tambahan ke atas barangan China kepada 30 peratus daripada 145 peratus, manakala China akan mengurangkan tarif import AS kepada 10 peratus daripada 125 peratus.

China turut mengumumkan untuk membatalkan atau menggantung beberapa langkah bukan tarif yang sebelum ini dikenakan ke atas AS.

MIDF Amanah Investment Bank Bhd (MIDF Research) pula menjangkakan terdapat pengumuman mengenai rundungan atau pengurangan sebahagian daripada kadar tarif.

"Kita perlu sedar ini hanya pengurangan sementara tiga bulan; tarif asas 10 peratus masih wujud di peringkat global.

BERNAMA